

# PERKEMBANGAN DIKIR REBANA KERCING DI KAMPUNG LAUT, TUMPAT KELANTAN, MALAYSIA: SATU TINJAUAN AWAL

WAN NUR IYLEA LYANA BINTI AZHAR\*

NORAZLINDA BINTI MOHAMED ROSDI \*\*

yanaazhar2@gmail.com\* (*Corresponding author*) & norazlinda@umk.edu.my\*\*

## Abstrak

Seni persembahan merupakan aspek utama yang melambangkan identiti bagi sesebuah tempat. Dikir Rebana Kercing misalnya merupakan salah satu seni persembahan yang masih wujud di Negeri Kelantan. Masyarakat di sekitar Tumpat telah menjadikan seni persembahan ini sebagai salah satu hiburan terutamanya dalam majlis-majlis keramaian. Dikir Rebana Kercing ini telah mengalami perubahan dan perkembangan terhadap seni persembahannya bermula daripada awal kemunculan sekitar 500 tahun yang lalu sehingga ke hari ini. Penyelidikan ini akan mengupas dengan lebih mendalam mengenai perkembangan seni persembahan Dikir Rebana Kercing di Negeri Kelantan khususnya di Kampung Laut Tumpat bermula pada zaman permulaan sehingga kini. Data penyelidikan yang diperolehi adalah diambil menggunakan kaedah tinjauan awal, pemerhatian dan temubual. Tinjauan awal dilakukan untuk mengetahui isu dan permasalahan yang berkaitan dengan penyelidikan manakala kaedah pemerhatian dan temubual digunakan untuk mengetahui sejauhmana perkembangan seni persembahan Dikir Rebana Kercing. Kaedah temubual yang dijalankan adalah melibatkan 8 orang responden termasuklah beberapa tokoh Dikir Rebana Kercing serta penduduk Kampung Laut. Skop penyelidikan adalah tertumpu di sekitar Kampung Laut sahaja. Penyelidikan ini telah mendapati bahawa perkembangan Dikir Rebana Kercing adalah berdasarkan penerimaan dan pemikiran setiap masyarakat serta amalan kehidupan mereka setelah kemunculan persembahan yang menggunakan irama moden dan juga irama Barat.

**Kata Kunci:** Dikir Rebana Kercing, Kampung Laut, Masyarakat, Perkembangan, Seni Persembahan,

Dihantar : 8 Oktober 2020

Disemak : 13 September 2021

Diterbit : 31 Mac 2022

---

\* Pelajar Sarjana di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, 16300 Malaysia.

\*\* Pensyarah Kanan di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, 16300 Malaysia.



# EVOLUTION OF *DIKIR REBANA KERCING* IN KAMPUNG LAUT, TUMPAT, KELANTAN, MALAYSIA: A PRELIMINARY SURVEY

WAN NUR IYLEA LYANA BINTI AZHAR\*

NORAZLINDA BINTI MOHAMED ROSDI \*\*

yanaazhar2@gmail.com\* (*Penulis Koresponden*) & norazlinda@umk.edu.my\*\*

## **Abstract**

*The main aspect of performing arts is to represent the identity of a place. Dikir Rebana Kercing, for example is one of the performing arts that still exist in Kelantan, Malaysia. Community in Tumpat, Kelantan has performed this performing art as part of their entertainment, especially in the social gatherings and ceremonies within their society. Dikir Rebana Kercing had went through some changes and developments starting from 500 years ago till now. Therefore, this research examines the developments of Dikir Rebana Kercing in Kelantan, focusing on Kampung Laut, Tumpat from the beginning to the present day. The research data were using a preliminary survey, observation, and interview. Preliminary surveys were conducted to investigate the issues and problems related to the research while observations and interviews were used to understand the extent of development of Dikir Rebana Kercing. The interviews involved eight respondents including several experts from Dikir Rebana Kercing as well as the residents of Kampung Laut. The findings of this research concluded the development of Dikir Rebana Kercing based on the acceptance and perceptions of the community member as well as their lifestyle practices after the emergence of performances that used modern and western rhythms.*

**Keywords:** *Community, Dikir Rebana Kercing, Evolution, Kampung Laut, Performing Art*

Submitted : 8 October 2020

Revised : 13 September 2021

Published : 31 March 2022

\* Postgraduate Student at Faculty of Creative Technology And Heritage, Universiti Malaysia Kelantan, 16300 Malaysia

\*\* Senior Lecturer of at Faculty of Creative Technology And Heritage, Universiti Malaysia Kelantan, 16300 Malaysia.



## 1.0 Pendahuluan

Malaysia sememangnya cukup kaya dengan pelbagai seni tradisional dari pelbagai sudut seperti seni tarian, seni persembahan, seni muzik ataupun seni permainan. Seni tradisional yang wujud sejak berkurun lamanya telah diwarisi daripada generasi terdahulu dan terus diamalkan sehingga ke hari ini. Menurut Mohd. Taib bin Osman (1979), seni tradisional telah menjadi suatu simbol utama dalam sesuatu kumpulan, kelompok ataupun kaum. Ia juga turut menggambarkan cara hidup sesuatu kaum yang berada di kawasan yang berbeza. Secara lebih jelas seni persembahan tradisional terbentuk adalah terhasil daripada gaya hidup dan amalan sesuatu kelompok masyarakat.

Selain itu menurut Muhammad Fadhil Kamaruzzaman (2016) seni tradisional dalam Alam Melayu sesuatu yang tidak asing lagi dan perlu dibanggakan oleh masyarakat kini. Warisan yang pelbagai ini melambangkan jati diri masyarakat dan akan dikenali oleh masyarakat luar seperti pelancong asing. Setiap seni persembahan yang diciptakan itu adalah berbeza dan ia juga bergantung kepada lokasi penempatan sesuatu kelompok masyarakat. Kewujudan budaya, kepercayaan serta seni persembahan adalah terhasil daripada pengaruh oleh sekumpulan manusia yang hidup secara berevolusi lalu membentuk cara hidup mereka yang tersendiri dengan pelbagai acuan dan akhirnya membentuk jati diri dalam sesebuah kumpulan masyarakat. Sebagai contoh, di Negeri Kelantan cukup terkenal dengan budaya serta seni persembahan yang dimilikinya kerana mempunyai cara yang tersendiri untuk mempamerkan identiti negeri termasuklah seni persembahan Dikir Rebana Kercing.

## 2.0 Latar Belakang Kajian

Masyarakat Melayu dikatakan telah memulakan rumpun di Malaysia atau dahulunya dipanggil Tanah Melayu dan ia berada di Kepulauan Melayu. Selain itu, dalam hidup bermasyarakat, mereka telah mula mewujudkan beberapa budaya, kesenian dan juga adat resam yang bersesuaian dengan konsep dan cara hidup mereka. Menurut Syed Ismail bin Syed Mustafa (2010) konsep masyarakat Melayu itu terdiri daripada sekelompok besar manusia yang hidup saling berhubungan dan bergantung beraskan satu budaya tertentu dan mempunyai matlamat yang sama. Perhubungan itu wujud berdasarkan satu sistem beraskan unsur-unsur saling berhubungan sesama manusia. Kumpulan masyarakat ini terdiri daripada manusia yang hidup bersama dan berorganisasi atas dasar saling berhubungan dari pelbagai aspek cara hidup. Aspek cara hidup yang diamalkan adalah berkaitan dengan kegiatan seharian termasuklah budaya dan kesenian.

Bagi Muhammad Fadhil Kamaruzzaman (2016), budaya dan kesenian dalam kalangan masyarakat terutamanya masyarakat Melayu menjadi tidak asing lagi kerana ia merupakan sebahagian daripada asas kehidupan manusia. Kesenian yang terhasil bersesuaian dengan cara hidup sesebuah kelompok masyarakat dan ia akan berterusan sehingga menjadi lambang bagi identiti masyarakat tersebut termasuklah di Kelantan. Umum mengetahui masyarakat Kelantan amat menitikberatkan warisan dan kesenian yang diperturunkan sejak daripada zaman nenek moyang termasuklah Dikir Rebana Kercing.



Menurut Rahimah Hj. Ahmad (1975), seni persembahan Dikir Rebana Kercing telah wujud sejak zaman Nabi Muhammad SAW lagi. Seni persembahan ini dikatakan berasal dari kisah seorang pemburu yang menangkap kijang menggunakan jerat yang dipasang. Si kijang mengetahui hasrat pemburu tersebut yang ingin membunuhnya lalu si kijang merayu supaya tidak dibunuh tetapi tidak dihiraukan oleh pemburu. Lalu si kijang meminta masa selama sepuluh minit untuk melepaskan rasa pilu dan sedih, lalu si kijang menari-nari dan bersyair di hadapan pemburu dengan rasa pilu dan sedih.

Syair yang dinyanyikan oleh si kijang adalah berkisar kepada puji-pujian terhadap nabi dan para sahabatnya. Syair yang dinyanyikan oleh si kijang telah mendapat perhatian pemburu dan masyarakat kampung sehinggakan masa yang diberikan berlalu begitu sahaja. Namun pemburu tetap dengan keputusannya ingin membunuh si kijang. Si kijang tidak berputus asa lalu meminta bantuan orang ramai yang berada di situ untuk menyampaikan berita ini kepada Nabi SAW. Setelah nabi SAW mengetahui kisah si kijang tersebut, Baginda telah bertitah supaya kijang tersebut dilepaskan. Bermula daripada kisah kijang dengan pemburu itulah maka orang ramai menjadikan syair-syair memuji nabi dan para sahabat sebagai amalan dan tarian yang ditarikan oleh mereka sebagai tarian rakyat secara turun temurun dan kekal sehingga kini. Seterusnya, syair dan tarian yang dipersembahkan di Tanah Arab misalnya dikatakan telah di bawa oleh pedagang-pedagang Islam yang datang dari Tanah Arab-Parsi yang bertujuan untuk berdagang ke Tanah Melayu termasuklah di Negeri Kelantan. Mereka belayar merentasi Laut China Selatan dan singgah di Negeri Kelantan iaitu Kampung Laut, Tumpat untuk tujuan berdagang dan menyampaikan dakwah.

Wan Azmi Mohd Nor (2020) menyatakan pada awal kedatangan seni persembahan ini, nama 'Dikir' pada awalnya dipanggil 'Zikir', namun lama kelamaan ia ditukar kepada 'Dikir' kerana turut mempunyai pergerakan dan lenggok tarian. Panggilan 'Zikir' dianggap tidak sesuai untuk seni persembahan kerana masyarakat menganggap ia sebagai satu hiburan lalu nama 'Zikir' ditukar kepada 'Dikir'. Bermula daripada itulah, seni persembahan ini dikekalkan dengan panggilan Dikir Rebana Kercing.

Kedatangan Dikir Rebana Kercing dari Negara Arab-Parsi bermula di Masjid Kampung Laut, Tumpat yang mana pada ketika itu masjid telah dibina dan dijadikan tempat untuk menyebarkan agama Islam. Dikir Rebana Kercing bermula di Kampung Laut di dalam Daerah Tumpat, Kelantan dan kemudiannya telah diperkenalkan ke daerah lain seperti Rantau Panjang, Pasir Mas dan sebagainya namun ia tidak diteruskan sepenuhnya. Dikir Rebana Kercing di bawa masuk oleh pedagang Arab-Parsi dengan tujuan menyebarkan agama Islam serta diperluaskan lagi seni budaya mereka. Mereka telah merantau di sepanjang Asia Tenggara dan telah singgah di banyak tempat namun mereka tidak menyebarkan Dikir Rebana Kercing kerana pada ketika itu, masjid masih belum dibina kecuali Masjid di Kampung Laut. Seni budaya yang di bawa daripada para pedagang ini tetap diteruskan sehingga ke hari ini.





Rajah 1 : Persatuan Kumpulan Dikir Rebana Kercing Kampung Laut, Tumpat Kelantan

Sumber : Persatuan Dikir Rebana Kercing Kampung Laut (2020)

### 3.0 Isu dan Permasalahan Dikir Rebana Kercing

Seni persembahan Dikir Rebana Kercing merupakan sebuah persembahan warisan yang hanya dipersembahkan di Kampung Laut Tumpat dan tidak ada di negeri lain selain Negeri Kelantan. Menurut Wan Azmi Mohd Nor (2020), permasalahan terhadap seni persembahan warisan adalah lebih kepada masyarakat itu sendiri yang mana mereka tidak lagi mementingkan seni persembahan ini walaupun ia telah dipersembahkan sejak dari zaman nenek moyang lagi. Ia juga semakin berkurangan dan semakin diabaikan oleh masyarakat. Tambahan lagi, masyarakat kini juga dilihat tidak lagi berminat untuk melihat dan jauh sekali untuk terus mempelajari seni persembahan ini.

Selain itu seni persembahan ini dilihat juga kurangnya pendedahan mengenai seni persembahan warisan kepada masyarakat. Kebanyakan masyarakat kini hanya mendengar mengenai sesuatu persembahan tetapi tidak pernah menyaksikannya sendiri ekoran Dikir Rebana Kercing ini baru sahaja dijadikan persembahan untuk masyarakat umum. Menurut Nazali bin Wahab (2020), pihak Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Negeri Kelantan masih berusaha untuk terus mengangkat kembali seni warisan ini melalui program-program yang bertemakan kerakyatan untuk lebih menarik minat masyarakat terhadap Dikir Rebana Kercing.

Bukan itu sahaja sikap masyarakat sendiri yang beranggapan seni persembahan ini adalah sebuah tarian lama yang dipersembahkan dengan lenggokan dan gerak tari lembut sahaja. Hal ini berbeza dengan seni persembahan kini yang dilihat semakin rancak serta menerapkan elemen moden dalam setiap persembahan sehinggakan ia mula meresap masuk ke dalam jiwa dan pemikiran generasi kini terutamanya golongan muda. Jelas di sini dapat dilihat golongan remaja khususnya lebih tertarik dengan irama rancak dan moden seperti *Kpop* dan artis Barat.

Untuk itu penyelidikan adalah bertujuan menjadi panduan bagi mengenalpasti perkembangan yang berlaku terhadap seni persembahan Dikir Rebana Kercing. Objektif utama penyelidikan ini adalah untuk mengkaji perkembangan seni persembahan Dikir Rebana Kercing di Kampung Laut, Tumpat Kelantan bermula dengan sejarah permulaan, pada waktu pertengahan dan akhirnya pada masa kini. Selain itu, penyelidikan ini juga akan mengupas dengan lebih mendalam mengenai perubahan yang berlaku dari semasa ke semasa mengikut perubahan zaman.

#### **4.0 Kaedah Kajian**

Penyelidikan ini dilakukan menggunakan kaedah tinjauan awal, pemerhatian, kajian lepas dan temubual bersama 8 orang responden yang terdiri daripada ahli Persatuan Dikir Rebana Kercing Kampung Laut, penduduk Kampung Laut serta dua orang pakar daripada Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Negeri Kelantan. Penyelidikan ini dilakukan secara berperingkat yang mana peringkat pertama adalah melakukan tinjauan awal untuk mengenalpasti isu dan permasalahan, peringkat kedua adalah pemerhatian dan kajian lepas, peringkat ketiga adalah temubual bersama 8 orang responden yang terlibat. Kaedah ini dilakukan bertujuan untuk mendapatkan data dan maklumat yang tepat berkaitan perkembangan Dikir Rebana Kercing di Kampung Laut, Tumpat, Kelantan. Selain itu, pengkaji telah menjalankan kaedah pemerhatian bermula pada tahun 2018 sehingga kini (2021). Manakala kaedah temubual dijalankan pada tahun 2019 dan 2020 dan mengambil masa selama 2 hingga 3 jam untuk setiap informan.

#### **5.0 Dapatan Kajian**

Secara keseluruhannya, hasil penyelidikan ini akan membincangkan tahap perkembangan seni persembahan Dikir Rebana Kercing bermula dari sejarah awal, pertengahan dan pada masa kini seperti huraian berikut:

##### **5.1 Sejarah Awal**

Seperti yang telah diketahui umum, kawasan perairan Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu telah menjadi sebuah kawasan perairan yang terpenting bagi kegiatan perkapalan sejak dari zaman awal perdagangan maritim di Asia (Uqbah Iqbal, Nordin Hussin, & Ahmad Ali Seman, 2015). Kawasan perairan ini berfungsi dalam dua bentuk. Pertama, ia menjadi nadi perhubungan bagi kegunaan masyarakat di Asia Tenggara khususnya Indo-China dan China. Kedua, ia merupakan laluan perdagangan bagi para pedagang yang berurusan antara Timur dan Barat atau antara India dengan China. Kedudukan Negeri Kelantan yang terletak di laluan perdagangan telah menjadikan negeri ini sering dikunjungi dan terdedah kepada hubungan luar seperti India, China dan Arab (Mohd Samsudin, Azima Abd. Manaf, & Shahizan Shaharuddin, 2011). Bermula daripada aktiviti perdagangan, seni persembahan Dikir Rebana Kercing akhirnya mula di bawa masuk oleh pedagang daripada Arab-Parsi ke Kampung Laut, Tumpat Kelantan.



Tujuannya adalah untuk menyebarkan agama Islam dengan lebih mendalam kepada penduduk di Negeri Kelantan melalui seni persembahan tersebut.

Dikir Rebana Kercing kemudian diperturunkan daripada satu generasi ke satu generasi dan telah dipelajari oleh masyarakat kampung termasuklah orang tua dan juga kanak-kanak. Menurut Wan Azmi Mohd Nor (2020), pada permulaan seni persembahan ini wujud, ia telah dipelajari oleh masyarakat kampung khususnya golongan dewasa. Selain itu, masyarakat mula tertarik dengan seni persembahan ini kerana ia dilakukan secara ringkas dan dianggap satu hiburan pada masa lalu. Harun bin Hassan (2019) menyatakan bahawa sekitar tahun 1990, seni persembahan ini mula berkembang daripada daerah Tumpat iaitu Kampung Laut kemudian di bawa ke daerah yang lain seperti Pasir Mas dan Rantau Panjang. Sebuah kumpulan telah ditubuhkan dan dipanggil kumpulan 'Paksu Besar' yang diuruskan oleh Pak Amin. Seterusnya Pak Amin telah menubuhkan dua buah kumpulan iaitu yang pertama dikendalikan oleh Paksu Harun dan yang kedua diuruskan oleh Wan Ibrahim bin Abas. Namun, kumpulan yang diuruskan oleh Wan Ibrahim tidak diteruskan dan tidak mempunyai pewaris lalu kumpulan tersebut lenyap begitu sahaja manakala kumpulan yang diuruskan oleh Paksu Harun masih diteruskan sehingga ke hari ini.

Menurut Wan Azmi Mohd Nor (2020), seni persembahan Dikir Rebana Kercing ini pada awalnya merupakan sebuah persembahan dalam yang hanya dipersembahkan di dalam istana, majlis kehormat dan juga majlis-majlis besar seperti berkhatan. Dengan kata lain, rakyat biasa tidak akan dapat melihat seni persembahan ini melainkan di dalam kawasan istana. Persembahan yang dilakukan pula adalah berbentuk perlawanan dimana dua buah kumpulan saling berbalas persembahan di dalam bentuk tarian dan lagu. Setiap persembahan ditarikan selama 20 hingga 30 puluh minit dengan ahli setiap kumpulan seramai 22 orang yang terdiri daripada 12 orang ahli muzik dan 10 orang penari.



Rajah 2: Persembahan Dikir Rebana Kercing

Sumber : Persatuan Dikir Rebana Kercing Kampung Laut (2020)

Seterusnya pada awal kedatangan Dikir Rebana Kercing ini ia mempunyai 50 buah lagu. Setiap lagu yang dipersembahkan mempunyai maksud dan cerita yang tersendiri. Lagu-lagu yang disampaikan pula berkisarkan tentang nasihat pengajaran, nilai-nilai murni dan juga pujian terhadap nabi. Kesemua lagu Dikir Rebana Kercing yang disampaikan adalah dalam bahasa Arab dan setiap gerak tari yang dipersembahkan adalah berbeza. Hal ini bermakna di dalam seni persembahan Dikir Rebana Kercing yang wujud di Negeri Kelantan, ianya mempunyai 50 buah langkah tari yang berlainan dan bersesuaian dengan kisah yang disampaikan.

Seni persembahan Dikir Rebana Kercing merupakan sebuah persembahan yang berunsurkan Islamik. Menurut Wan Azmi Mohd Nor (2020), pada awal kedatangan seni persembahan ini ke Negeri Kelantan, pakaian yang digunakan tidak berunsurkan Islamik. Pakaian yang digunakan ketika seni persembahan dimainkan adalah seluar pendek, bercapal, berstokin dan bersongkok. Kesemua pakaian penari dan pemuzik adalah sama dari segi warna dan rekaan. Kenyataan ini turut disokong oleh Wan Mohd Asri (2020) yang mana meskipun tarian yang dipersembahkan adalah berkisarkan agama Islam, namun pakaian yang digunapakai masih belum mengikut peredaran zaman. Bukan itu sahaja, ajaran agama Islam pada ketika itu masih tidak berkembang sepenuhnya.

## 5.2 Pertengahan

Pada penghujung tahun 90-an, seni persembahan ini yang diketuai oleh Paksu Harun atau nama sebenar beliau Harun bin Hassan mula berkembang. Menurut Wan Azmi Mohd Nor (2020), setelah Paksu Harun mengambil alih kumpulan Dikir Rebana Kercing, beliau telah mengangkat kembali Dikir Rebana Kercing daripada satu persembahan yang bukan hanya dipertontonkan oleh golongan kenamaan namun ia telah dipersembahkan secara umum dan mula menerima pelbagai jemputan daripada masyarakat kampung. Hal ini jelas menunjukkan Dikir Rebana Kercing telah mendapat sambutan yang baik daripada masyarakat kampung. Pada awal tahun 2000, kumpulan tersebut telah didaftarkan sebagai salah satu kesenian di bawah seliaan Belia 4B Kampung Laut, Tumpat, Kelantan (Harun bin Hassan, 2016).

Menurut Wan Mohd Asri (2020), perkembangan yang berlaku telah mengangkat seni persembahan ini menjadi salah satu persembahan yang paling aktif di daerah Tumpat. Seni persembahan Dikir Rebana Kercing ini telah berjaya menarik minat anak desa terutamanya kanak-kanak dan golongan remaja untuk mempelajari Dikir Rebana Kercing secara khusus selain mereka turut menyertai persembahan yang diadakan. Menurut Paksu Harun jemputan daripada luar negeri Kelantan juga telah banyak termasuklah di Sabah dan Serawak.





**Rajah 3** : Persatuan Seni Persembahan Dikir Rebana Kercing melakukan persembahan di Negeri Melaka

Sumber : Persatuan Dikir Rebana Kercing Kampung Laut (2020)

Perkembangan seni persembahan Dikir Rebana Kercing telah membuka mata Paksu Harun untuk mengembangkan lagi seni persembahan ini di negeri luar. Inisiatif ini diambil kerana beliau ingin seni persembahan ini diteruskan dan tidak lenyap dimamah usia. Hal ini sekaligus akan membuka mata masyarakat luar tentang kewujudan seni persembahan Dikir Rebana Kercing. Seterusnya Paksu Harun mula membawa Dikir Rebana Kercing ke seluruh negeri di dalam Malaysia dan dibantu oleh Encik Wan Azmi bin Mohd Noor atau lebih dikenali sebagai Cikgu Mie selaku setiausaha dan penasihat di dalam kumpulan Dikir Rebana Kercing Kampung Laut. Cikgu Mie juga merupakan seorang guru di Sekolah Kebangsaan Kampung Laut, Tumpat. Cikgu Mie telah diberikan amanah untuk memberi tunjuk ajar kepada ahli kumpulan dan sesiapa yang ingin menyertai bengkel Dikir Rebana Kercing.

Seterusnya, menurut Wan Azmi Mohd Nor (2020), beliau juga telah membuka kelab Dikir Rebana Kercing kepada pelajar sekolah yang berminat untuk menyertai seni persembahan itu. Beliau menerapkan seni warisan di dalam matapelajaran kokurikulum kepada pelajar di sekolah tersebut sebagai salah satu cara untuk mengembangkan lagi seni persembahan Dikir Rebana Kercing. Bukan itu sahaja, malah Cikgu Mie juga turut mengambil pelajar dari sekolah lain jika terdapat permintaan untuk menyertai seni persembahan warisan itu.



**Rajah 4:** Encik Wan Azmi bin Mohd Nor bertanggungjawab melatih ahli baru terutamanya kanak-kanak

Sumber : Wan Azmi Mohd Nor (2020)

Selain itu menurut beliau juga terdapat sedikit perubahan yang berlaku terhadap persembahan dari segi ahli terlibat dan lagu yang dipersembahkan. Perubahan tersebut berlaku mungkin disebabkan oleh perubahan zaman dan terhentinya seni persembahan ini seketika sebelum diturunkan kepada ahli yang lain. Menurut Ab Wahab Mat Amin (1976), seni kata dan lirik lagu Dikir Rebana Kercing bukanlah diambil dari mana-mana rujukan tetapi ia ditulis berdasarkan lirik yang dinyanyikan. Kemudian buku tersebut telah hilang dan lagu Dikir Rebana Kercing disampaikan hanya melalui mulut ke mulut. Hal ini jelas dilihat apabila sebahagian daripada 50 buah lagu dikatakan telah lenyap dan hanya tinggal 25 buah lagu sahaja yang menjadi lagu utama setiap kali persembahan diadakan.

### 5.3 Pada Masa Kini

Pada masa kini, seni persembahan Dikir Rebana Kercing masih lagi diteruskan tetapi menjadi semakin hambar dan kurang mendapat perhatian. Seni persembahan ini juga tidak lagi mendapat sambutan dalam majlis-majlis tertentu kerana faktor kewangan. Penglibatan anak-anak muda juga sangat mendukacitakan. Pelbagai faktor yang menjadikan kurangnya daya tarikan terhadap seni persembahan ini. Antaranya ialah pengaruh budaya barat seperti tarian dan nyanyian. Hal ini sekaligus menyebabkan seni persembahan ini semakin tenggelam dan semakin dilupakan.

Namun begitu, menurut Wan Mohd Asri (2020) masih ada pihak yang berusaha untuk terus memperjuangkan seni persembahan Dikir Rebana Kercing seperti Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) negeri Kelantan dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Antaranya ialah pihak JKKN telah mempelawa kumpulan Dikir Rebana Kercing Kampung Laut untuk membuat rakaman lagu iaitu sebanyak 25 buah lagu agar tidak lenyap seperti lagu sebelumnya. Menurut Nur Ayzlinda binti Abu Bakar (2020), selaku

pegawai kebudayaan di JKKN, pihak JKKN turut menjemput Kumpulan Dikir Rebana Kercing Kampung Laut untuk mengadakan persembahan di perkarangan kompleks JKKN pada setiap hujung minggu. Bagi Nazali bin Wahab (2020), perkara ini juga menjadi salah satu cara untuk terus mengembangkan seni persembahan ini dan akan menarik minat masyarakat selain dapat memberi pendedahan mengenai seni persembahan tersebut. Bukan itu sahaja, pihak JKKN juga telah membuat satu buku mengenai tokoh dan lirik lagu Rebana Kercing yang bertajuk '*Notasi 25 Lagu Rebana Kercing*'.

Selain itu menurut Md Zaki Yusoff (2020) persatuan Dikir Rebana Kercing juga telah menyediakan satu dana khas kepada mereka yang menyertai latihan Dikir Rebana Kercing pada setiap hujung minggu. Dana tersebut bertujuan menarik minat golongan muda khususnya kanak-kanak untuk menjadi pelapis baru bagi ahli kumpulan Dikir Rebana Kercing. Seterusnya pihak UMK juga telah mewujudkan sebuah bengkel Dikir Rebana Kercing yang dipimpin oleh Le'Waris dengan kerjasama Paksu Harun. Bengkel ini adalah bertujuan untuk mengangkat kembali warisan Dikir Rebana Kercing kepada masyarakat sejajar dengan seni persembahan masa kini.



**Rajah 5 :** Kumpulan Kesenian Universiti Malaysia Kelantan, Le'Waris mengadakan bengkel Rebana Kercing

Sumber : UMK Media Gallery (2016)

## 6.0 Perbincangan

Seni persembahan Dikir Rebana Kercing ini merupakan sebuah seni persembahan yang didatangkan khas dari tanah Arab Parsi lalu diperturunkan daripada Satu generasi ke satu generasi sehingga ke hari ini. Selain itu, seni persembahan ini juga

merupakan satu khazanah yang tidak ternilai di Negeri Kelantan. Bukan hanya pada seni persembahan ini, tetapi pada seni persembahan yang lain seperti Mak Yong, Dikir Barat dan banyak lagi merupakan antara seni persembahan warisan yang melatari masyarakat.

Pada peringkat awal penyelidikan, pengkaji hanya mengetahui sedikit sebanyak sahaja mengenai seni persembahan ini, namun setelah penyelidikan dijalankan dengan lebih terperinci, terdapat pelbagai maklumat yang langsung tidak diketahui umum, ia hanya diketahui oleh ahli kumpulan yang menyertai seni persembahan tersebut. Seterusnya timbul persoalan yang menjadi tanda tanya kepada pengkaji. Persoalan tersebut juga turut dijadikan sebagai salah satu elemen penting bagi memastikan penyelidikan ini lengkap sepenuhnya. Bukan itu sahaja, ia juga akan memastikan objektif pengkaji dapat dijawab dengan sempurna.

Objektif penyelidikan adalah mengenai perkembangan yang berlaku terhadap seni persembahan Dikir Rebana Kercing. Setelah penyelidikan dijalankan, jelas dilihat bahawa perkembangan seni persembahan Dikir Rebana Kercing adalah secara berperingkat yang mana ketika ia mula bertapak kemudian pada zaman pertengahan dan akhirnya pada masa kini. Seni persembahan Dikir Rebana Kercing ini sebenarnya berasal daripada Tanah Arab-Parsi. Ia di bawa masuk oleh para pedagang yang berhijrah dan ingin berdagang. Mereka singgah di Kampung Laut, Tumpat sebagai salah satu tempat untuk memperkenalkan barangan jualan dan dalam waktu yang sama tujuan mereka juga adalah untuk menyebarkan agama Islam dengan lebih mendalam. Para pedagang tersebut mula memikirkan cara bagi menarik lebih ramai masyarakat untuk datang ke masjid bagi melakukan ibadah lalu mereka membuat persembahan Dikir Rebana Kercing dan masyarakat mula tertarik dengan persembahan tersebut.

Pada awal kedatangan dikir ini, sebanyak 50 buah lagu di bawa dengan maksud yang tersendiri. Setiap lagu mempunyai lenggok tari yang berbeza dan mempunyai cerita serta kisah yang menarik seperti terdapatnya kisah mengenai nasihat, pengajaran, nilai-nilai murni dan juga pujian terhadap nabi. Kemudian seni persembahan ini mula dipelajari oleh masyarakat kampung dan mula tersebar luas di kawasan Kampung Laut. Seni persembahan ini juga menjadi salah satu hiburan ringkas untuk masyarakat dan menjadi alat tarikan masyarakat untuk datang ke Masjid Kampung Laut.

Seterusnya, pada zaman pertengahan, Dikir Rebana Kercing mula berkembang ke pelbagai daerah di Negeri Kelantan seperti Pasir Mas, Kota Bharu dan sebagainya. Perkembangan ini berlaku adalah disebabkan oleh masyarakat yang berpindah dari satu kawasan ke satu kawasan. Penghijrahan tersebut turut sama membawa adat dan budaya yang ada dalam diri setiap anggota masyarakat. Namun, penyebaran seni persembahan tersebut ke daerah lain tidak bertahan lama lalu lenyap begitu sahaja kecuali di Kampung Laut Tumpat. Selain itu seni persembahan Dikir Rebana Kercing telah di bawa keluar dan dipertontonkan secara terbuka kepada masyarakat umum dan bukan hanya kepada golongan kenamaan sahaja. Oleh yang demikian, seni persembahan ini bukan lagi dipanggil sebagai tarian dalam kerana ia telah mula tersebar dan dipersembahkan di khalayak ramai.



Perkembangan Dikir Rebana Kercing pada ketika ini telah menjadikannya sebagai sebuah seni persembahan yang aktif dan telah menerima pelbagai jemputan dari masyarakat. Selain itu, seni persembahan ini turut mendapat bantuan dan tajaan daripada pelbagai pihak. Bantuan tersebut digunakan sebaiknya oleh ahli kumpulan untuk menguruskan pasukan, membuat pakaian dan peralatan Rebana. Penglibatan Dikir Rebana Kercing secara aktif telah menjadikan ia semakin dikenali dan kerap menerima jemputan seperti majlis perkahwinan dan berkhatan. Selain itu, seni persembahan ini juga telah menarik minat masyarakat di negeri lain sehingga permintaan untuk melakukan persembahan semakin bertambah. Di samping itu juga, persembahan ini turut dipersembahkan di dalam program-program besar yang melibatkan negara-negara lain. Maka bermula daripada itulah seni persembahan ini semakin dikenali dan lebih bergiat aktif yang mana pada ketika ini juga terdapat jemputan untuk melakukan persembahan di negara luar seperti Thailand dan Singapura.

Pada masa kini, Dikir Rebana Kercing dilihat mengalami sedikit masalah dengan beberapa faktor seperti kewangan dan pengaruh budaya moden. Namun pihak Persatuan Dikir Rebana Kercing sentiasa berusaha untuk menarik minat masyarakat terutamanya golongan kanak-kanak dan remaja. Pelbagai usaha telah dijalankan termasuklah menyediakan dana khas untuk sesiapa sahaja yang menyertai latihan Rebana Kercing. Bukan itu sahaja penglibatan pihak lain seperti Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) negeri Kelantan juga turut menjadi salah satu tunjang untuk mengangkat kembali seni persembahan ini. Oleh yang demikian pada masa kini seni persembahan ini masih lagi diteruskan namun ia memerlukan banyak usaha untuk terus diangkat kembali dan menjadi salah satu seni persembahan yang utama di daerah Tumpat khususnya di Kampung Laut.

## 7.0 Kesimpulan

Tuntasnya, penyelidikan ini telah membuktikan bahawa perkembangan seni persembahan Dikir Rebana Kercing dari sejarah awal, zaman pertengahan dan pada masa kini adalah dipengaruhi oleh faktor seperti penerimaan masyarakat itu sendiri. Perkembangan Dikir Rebana Kercing telah menyebabkan banyak perubahan yang berlaku terutamanya pada lagu dan persembahan. Namun perkembangannya juga mampu untuk mengangkat kembali seni warisan peninggalan nenek moyang terdahulu. Meskipun adanya perubahan dan penerimaan mengikut zaman, namun Dikir Rebana Kercing masih mampu untuk bertahan dan diangkat kembali menjadi salah satu identiti di Negeri Kelantan. Hal ini jelas dilihat kerana ia masih mendapat tempat di mata masyarakat walaupun seni persembahan ini tidaklah sehebat seni persembahan moden lain pada masa kini. Hal ini mungkin juga disebabkan oleh seni persembahan Dikir Rebana Kercing baru sahaja menjadi sebuah persembahan umum dan masyarakat sendiri kurang mendapat maklumat mengenai seni persembahan tradisional yang masih wujud di Negeri Kelantan. Secara keseluruhan seharusnya warisan sebegini perlu diangkat dan diketengahkan kembali kepada generasi kini dan masa hadapan dan ini sekaligus membuktikan identiti masyarakat Melayu di Kelantan terutamanya di kawasan Tumpat. Hal ini tidak seharusnya dianggap remeh kerana disebabkan kurangnya pendedahan kepada masyarakat terhadap seni persembahan ini ianya akan turut sama menjejaskan perkembangan Dikir Rebana Kercing pada





masa akan datang. Ini sekaligus akan melenyapkan warisan peninggalan nenek moyang yang terdahulu.

## Rujukan

- Ab Wahab Mat Amin. (1976). *Dikir Rebana Kercing: Satu Unsur Seni Kebudayaan Kelantan*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur
- Harun bin Hassan (2016, 29 Disember). Rebana Kercing Part 2. Retrieved 20 Ogos 2020 from [https://www.youtube.com/watch?v=WcaB\\_jTnJIU](https://www.youtube.com/watch?v=WcaB_jTnJIU)
- Harun bin Hassan. (2019, 8 Ogos) *Seni Persembahan Dikir Rebana Kercing*.
- Md Zaki Yusoff. (2020, 7 Julai) *Seni Persembahan Dikir Rebana Kercing*.
- Mohd Samsudin, Azima Abd. Manaf, & Shahizan Shahrudin. (2011). Perkembangan pengangkutan marin sekitar Pantai Timur Tanah Melayu Zaman Tradisional dan Zaman Pentadbiran British. *Journal of Tropical Marine Ecosystem (EKOMAR)*, 1, 31.
- Mohd. Taib bin Osman. (1979). Traditional Malay Music : A Traditional Cultural Expression In Contemporary Setting. *Jurnal Budaya Bahasa Melayu*, 4.
- Muhammad Fadhil Kamaruzzaman. (2016). *Kajian Sosiobudaya: Peranan dan Fungsi Tarian Saba Dalam Membentuk Masyarakat Di Kuala Jengai, Terengganu*. Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan.
- Nazali bin Wahab. (2020, 25 Ogos ) *Dikir Rebana Kercing*.
- Nur Ayzlinda binti Abu Bakar. (2020, 25 Ogos) *Persembahan Dikir Rebana Kercing*.
- Persatuan Dikir Rebana Kercing Kampung Laut. (2020). *Koleksi Gambar* Retrieved from
- Rahimah Hj. Ahmad. (1975). *Tarian-tarian Malaysia*. Kuala Lumpur ahagian Kebudayaan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Syed Ismail bin Syed Mustafa. (2010). *Budaya Dan Pembelajaran*. Ipoh: Penerbitan Multimedia.
- UMK Media Gellery. (2016). Bengkel Rebana Kercing (MAKUM 2016). In.
- Uqbah Iqbal, Nordin Hussin, & Ahmad Ali Seman. (2015). Sejarah Perkembangan Ekonomi Semenanjung Tanah Melayu Dan Sifat Ekonomi Masyarakat Melayu Era Pra-Kolonial *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (Iman)*, 95-119.
- Wan Azmi Mohd Nor. (2020, 7 Julai ) *Dikir Rebana Kercing*.
- Wan Mohd Asri. (2020, 4 Januari ) *Persembahan Dikir Rebana Kercing*